

Headline	Faizal Saari berguru di Bangladesh		
MediaTitle	Kosmo		
Date	30 Apr 2016	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Sukan	Page No	60
ArticleSize	127 cm ²	Journalist	MUHAMMAD
PR Value	RM 9,888		



Faizal Saari berguru di Bangladesh

Oleh MUHAMMAD ZUHAILY
BADLISHAH

BEKAS penyerang skuad hoki kebangsaan, Faizal Saari (**gambar**) menjadikan Bangladesh sebagai medan memulihkan prestasi sebelum kembali ke tanah air untuk membantu Terengganu dalam kempen Piala Tun Razak 2016, Mei ini.



November tahun lalu, pemain berusia 25 tahun tersebut digugurkan daripada skuad kebangsaan berhubung masalah disiplin dan tidak lagi membuat sebarang penampilan dalam skuad hoki negara.

Kali terakhir 'mesin gol' tersebut beraksi pula ialah ketika membantu Pasukan Hoki Terengganu (THT) dalam saingan kempen Piala Tun Razak 2015 yang berlangsung pada Disember tahun lalu.

Bagi memulihkan prestasi yang merosot akibat sudah lama tidak membuat

penampilan, Faizal memilih untuk beraksi selama 10 hari bersama kelab hoki di Bangladesh, Usha Krira Chakra (Usha KC).

"Saya pergi sekejap sahaja, 8 Mei saya akan balik ke sini semula. Sekarang saya tidak buat apa-apa, jadi saya buat keputusan untuk pergi ke sana.

Saya harap dapat semula momentum perlawanan sebelum pemilihan (Terengganu) untuk Piala Tun Abdul Razak nanti," katanya.

Turut mengikuti Faizal menjalani latihan bersama skuad juara empat kali Piala Kelab Hoki Bangladesh itu ialah pemain skuad Sapura, Mohd. Zulhairi Hashim dan Syed Mohamad Syafiq Syed Cholan (TNB).

Dua lagi pemain tempatan turut sama ke wilayah Asia Selatan itu ialah Jiwa Mohan dan Jivan Mohan untuk menyertai Mohammedan SC yang merupakan skuad juara 10 kali Liga Hoki Utama Bangladesh.